

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XXII)23**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG  
YB. LIM SIEW KHIM**

23. Semasa Wabak COVID-19, Kerajaan Negeri mengambil langkah-langkah untuk membendungnya tetapi dilakukan secara bertahap berdasarkan situasi semasa.
- (a) Adakah Kerajaan Negeri perlu merancang prosedur *standard* pengurusan krisis bagi pelbagai situasi yang boleh diaktifkan pada masa hadapan untuk ramalan dan kestabilan yang sempurna?

**YB. PHEE BOON POH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

23. Kerajaan Negeri dan jabatan-jabatan berkaitan sentiasa mengambil langkah mengawal pandemik ini dan lain-lain bencana yang menimpa negeri ini secara berperingkat-peringkat supaya tidak menimbulkan suasana panik dikalangan rakyat.
- (a) Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk merangka satu SOP pengurusan krisis yang baru memandangkan SOP sedia ada iaitu Arahan MKN No. 20 telah mantap dan diguna pakai secara meluas oleh Kerajaan Negeri dan semua Jabatan terlibat dalam operasi pengurusan krisis negara/negeri. Arahan MKN No. 20 ini mempunyai prosedur *standard* pengurusan krisis yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) yang dipengerusikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah. Operasi kedua-dua Jawatankuasa ini akan dibantu oleh Jabatan-jabatan teknikal seperti PDRM, ATM, RELA, JKR, JPS, JKM serta MPKK dan NGO lainnya.

